

PANDANGAN SARJANA ISLAM TERHADAP ISU TRAUMATIK BELIA BERISIKO LIBERAL DI MALAYSIA

1054

Norsaleha Mohd Salleh, Mohd. Shairawi Mohd Noor, Phayilah Yama, Noor Hafizah Mohd Haridi, Abu Zaki Ismail, Hamidun Husin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Penulis penghubung: Norsaleha Mohd. Salleh, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Tel: (+60) 193341494. Email: norsaleha@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisa pandangan sarjana Islam terhadap isu traumatik belia berisiko liberal. Isu traumatik belia berisiko liberal dikaitkan dengan perasaan trauma terhadap institusi agama Islam di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri, mahkamah syariah dan sebagainya. Perasaan trauma ini terhasil daripada pengalaman masyarakat Kristian di Barat yang telah mengalami penindasan dan diskriminasi gereja pada zaman gelap mereka dahulu. Pengalaman itu mempengaruhi cara fikir belia di Malaysia sehingga membentuk satu persepsi negatif terhadap institusi agama. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan temu bual bersama belia berisiko dan pakar bidang. Seramai enam (6) orang belia berisiko liberal telah dipilih untuk menyertai sesi temu bual dan lima (5) orang sarjana Islam telah dilantik untuk memberikan pandangan terhadap isu traumatik yang diutarakan oleh enam orang belia tersebut. Dapatan kajian mendapati isu traumatik terhadap institusi agama menjadi faktor yang mendorong belia-belia ini berpegang dan menyokong pemikiran liberal di Malaysia. Kajian juga menunjukkan sarjana Islam tidak bersetuju dengan sikap traumatik para belia ini terhadap institusi agama. Mereka berpandangan persepsi belia ini terhadap institusi agama di Malaysia adalah tidak tepat dan jahil terhadap konsep, sejarah dan operasi institusi agama itu sendiri. Malah golongan belia ini perlu disantuni menggunakan pendekatan yang sesuai dengan situasi belia tersebut. Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang perbincangan dalam kalangan pendakwah dan autoriti agama di Malaysia bagi mencari penyelesaian terhadap isu traumatik belia terhadap institusi agama.

Kata kunci: Islam, belia, risiko, liberal, agama

1. Pendahuluan

Liberalisme Barat menunjukkan bermulanya masyarakat Barat membebaskan diri daripada monopoli agama Kristian dan salah laku paderi di gereja. Penyelewengan dalam agama Kristian yang menggantikan konsep Tauhid Allah SWT kepada konsep Trinitas yang mengubah isi kandungan Kitab Bible dan memberi impak kepada masyarakat Barat (Abd Rahman 2002). Oleh yang demikian golongan paderi yang mendakwa sebagai wakil tuhan di bumi telah melakukan kezaliman kepada masyarakat Barat pada waktu itu. Menurut Muhammad Ariffin (2012) sikap kekejaman Barat ini akhirnya menuntut kebebasan tanpa had terhadap masyarakat. Implikasi traumatik kepada kezaliman gereja mendorong masyarakat Barat menolak campur tangan agama

dalam urusan pentadbiran, ekonomi dan politik negara. Kejatuhan kuasa gereja melahirkan masyarakat Barat kepada peradaban baru (al Silmy 2009).

Oleh yang demikian liberalisme pada asalnya merupakan pemikiran tentang kebebasan kehendak berubah kepada mempertahankan kebebasan kehendak. Justeru liberalisme mengawal institusi agama membentuk paksaan kepada masyarakat yang bersangkutan paut dengan negara dan pemilikan individu ke atas mereka (Ali Mudhofir 1988). Dewasa ini golongan liberalis berpendapat kesalahan jenayah Syariah merupakan dosa peribadi dan tidak perlu patuh kepada hukum syarak yang dikanunkan. Begitu juga liberalisme menolak autoriti institusi agama seperti sistem pembahagian pusaka, kewajipan menutup aurat bagi kaum wanita, keharusan poligami, hukum hudud dan hukuman bunuh ke atas Muslim yang murtad, kepimpinan wanita dalam solat, hak mutlak suami untuk menceraikan isteri, larangan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam serta undang-undang moral agama yang dikatakan melanggar hak asasi dan kebebasan manusia (Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adan Fadhil 2009, Mazlan Ibrahim et al. 2013).

Disamping itu sarjana Islam lampau telah mengusahakan Formula saintifik melalui pendekatan sentesis terhadap falsafah Yunani dan Islam. Perkara ini membawa paradigma pemikiran saintifik dalam perkembangan moden yang mempengaruhi liberalisme dalam kalangan masyarakat barat (Hassan Ahmad 2006). Perbincangan pemikiran berasaskan akal dari segi pentafsiran terhadap nas atau respon kepada situasi sosial semasa perlu dinilai secara kritikal dan holistik oleh sarjana Islam di setiap zaman (Rahimin Affandi 2002). Proses menyediakan kerangka pemikiran Islam semasa yang bersifat kritikal dan kondusif dengan nilai Islam perlu seiring dengan persoalan kepenggunaan, ekonomi, bioteknologi dan perubahan budaya (Abdul Rahman 2001). Keadaan ini menuntut sarjana Islam bertindak proaktif menggunakan pendekatan semi-ijtihad dalam menyelesaikan persoalan dengan menggunakan aset literatur warisan silam untuk isu yang dikaji atau membuat tafsiran kontekstual terhadap isu tersebut (Rahimin Affandi 2002). Oleh itu kajian ini dijalankan untuk membincangkan pandangan sarjana Islam terhadap isu traumatik belia berisiko liberal melalui kaedah sesi temu bual.

2. Permasalahan Kajian

Liberalisme mempengaruhi sebahagian belia dengan hujah rasional dan logik. Pemikiran liberal dapat dilihat dalam kalangan belia yang berfikir subjektif dan rasional dalam menilai sesuatu isu (Frank et al. 2007; Dunsmore & Lagos 2008). Liberalisme mempengaruhi belia sehingga muncul pandangan yang menolak autoriti agama dengan perbuatan mengikut kehendak hati dan logik akal tanpa mengambil kira autoriti agama (Wan Ismail et al. 2015). Kajian Norsaleha et al. (2016) menunjukkan terdapat belia berisiko liberal yang mengakui manusia berhak membuat keputusan tanpa terikat dengan autoriti agama, bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak seperti berzina, minum arak dan mengamalkan LGBT dan bergaul bebas antara lelaki perempuan.

Isu traumatik belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan hak kebebasan bersuara dalam perkara 19 dan perkara 12 *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) yang melibatkan kritikan terhadap institusi-institusi fatwa, hal ehwal pentadbiran agama Islam dan pelaksanaan undang-undang Syariah (Naser 2012; Hamdan 2015). Begitu juga kes Sulaiman Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 2 CLJ 54, golongan liberalis mewakili pengikut ajaran sesat Ayah Pin dan Abdul Kahar mencabar Institusi Fatwa dengan hujah membebaskan umat Islam daripada terikat kepada pendapat mufti. Disamping itu Sisters in Islam (SIS)

berpandangan pelaksanaan syariat Islam akan menyekat kebebasan bersuara dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama (Mazlan Ibrahim et.al. 2012).

Selain itu isu traumatik belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan hak kebebasan beragama seperti kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585 yang menyatakan bahawa Islam telah menyanggahi hak kebebasan individu untuk memilih agama mereka sendiri (Helwa et. al. 2014). Begitu juga memorandum *Islam Interfaith Commision* (IFC) yang telah dihantar ke Majlis Peguam Malaysia (*Bar Council*) pada 21 Ogos 2001 meletakkan semua agama dalam kedudukan yang sama, setiap orang bebas untuk menentukan status agama masing-masing serta memastikan tidak ada halangan bagi seorang Muslim untuk murtad (Mazlan et. al. 2010, Mohamed Azam 2015). Disamping itu kes Titular Roman Bishop lawan Kementerian Dalam Negeri (2014) mengenai hak penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan mingguan Kristian versi Bahasa Melayu iaitu *The Herald* yang merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 9 Enakmen Kawalan Agama Bukan Islam (Pengembangan dan Sekatan) (Selangor) 1988 iaitu kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumber Islam.

Seterusnya isu traumatik belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan golongan *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* (LGBT) diberi perlindungan hak asasi dan Undang-undang yang menjejaskan hak mereka. Akta Kesalahan Kecil 1955 hendaklah disemak semula kerana ia mendiskriminasi golongan ini (Naser 2012). Begitu juga kes Kerajaan Negeri Sembilan lawan Muhammad Juzaili Mohd Khamis dan lain-lain (2017) yang melibatkan permohonan seorang lelaki transgender beragama Islam untuk mempertahankan haknya dengan mencabar keperlembagaan seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992. Dalam pada itu kes Mohd Fazdil bin Min Bahari dengan nama perempuannya Fatine yang berkahwin secara sivil dengan seorang lelaki British dan Kes Mohd Ashraff Hafiz bin Abdul Aziz memohon melalui peguamnya Harley Isaacs untuk menukar nama kepada Aleesha Farhana dan status jantintanya, kedua-dua isu ini melanggar penguatkuasaan undang-undang syariah sedia ada (Marziana dan Mimi Sofiah 2014).

Lain daripada itu isu traumatik belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan emansipasi wanita berdasarkan Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan terhadap undang-undang keluarga Islam di Malaysia lebih berpihak kepada kaum lelaki kerana digubal oleh pihak berkuasa agama yang terdiri dari kaum lelaki (Shariza 2017). Begitu juga Sisters in Islam (SIS) mengkritik pelaksanaan hudud, Rang Undang-Undang Keluarga dan poligami kerana meningkatkan lagi tahap diskriminasi terhadap wanita (Norani Othman 2007, Meredith L. Weiss & Saliha Hassan 2003). Pelaksanaan undang-undang syariah Islam menurut Sisters in Islam (SIS) menjadi gambaran peraturan dan tafsiran sempit serta menolak realiti semasa (Greg Fealy & Virginia Hooker 2006).

Walau bagaimanapun isu traumatik terhadap institusi agama wajar dinilai secara adil dan komprehensif serta diberi kefahaman yang sempurna supaya mengelakkan perspektif yang meleset kepada mana-mana pihak (Kamil 2009). Begitu juga perkembangan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia semasa perlu dipertingkatkan kerana ia masih memerlukan pengaplikasian yang menyeluruh dan tidak pada nama sahaja. Tanpa pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran mengikut ajaran Islam, masyarakat Islam di Malaysia tidak mampu untuk mencapai falsafah, objektif dan matlamat pengurusan dan pentadbiran iaitu mencapai al-falah dan mardat Allah SWT dengan jayanya di dunia dan akhirat (Muhammad Syahir, Wan Fariza & Kamaruddin 2016). Justeru kajian ini dijalankan untuk meninjau pandangan sarjana Islam terhadap isu traumatik belia berisiko liberal. Kajian ini menganalisis pandangan sarjana Islam

terhadap persepsi dan faktor pendorong belia berisiko liberal di Malaysia. Seramai enam (6) orang belia berisiko liberal dan lima (5) orang sarjana Islam telah dipilih untuk sesi temu bual dalam kajian ini.

3. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan temu bual separa berstruktur bersama enam (6) orang belia berisiko dan lima (5) orang pakar dalam bidang akidah dan pemikiran. Kebiasaanya kaedah kualitatif dipengaruhi oleh teoretikal yang menjadi asas kepada kajian secara keseluruhan (Othman Lebar 2009). Bagi menjawab persoalan kajian, bilangan minimum adalah sebanyak 5 item dan bilangan maksimum pula adalah sebanyak 20 item (Chua 2006). Sebanyak enam (6) soalan telah disediakan kepada belia berisiko dan tujuh (7) soalan disediakan kepada pakar bidang. Soalan kepada belia berisiko berkaitan dengan latar belakang kehidupan, peristiwa atau individu yang penting dalam kehidupan, pandangan tentang isu semasa, pandangan tentang syiar Islam, pandangan tentang pemikiran anak muda dan pandangan tentang pemikiran liberal. Manakala soalan kepada pakar bidang pula berkaitan latar belakang dan pengalaman dalam isu-isu liberalisme, pandangan terhadap belia dan media sosial, pandangan terhadap isu-isu liberalisme, pandangan terhadap pendukung pemikiran liberal dan pengaruhnya kepada belia, pandangan tentang pengaruh media sosial dalam menyebarkan pemikiran liberal, cabaran dalam mendepani belia berisiko liberal dan cara mengekang pemikiran liberal daripada terus mempengaruhi pemikiran belia. Kesemua soalan ini telah melalui proses pengesahan pakar dan penambahbaikan seperti yang telah dicadangkan oleh pakar. Data temu bual telah ditranskripsi dan dianalisis menggunakan kaedah tematik berdasarkan pengekodan (Hesse-Biber & Leavy 2006) bagi mengenal pasti tema-tema kajian.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian mendapati isu traumatik terhadap institusi agama menjadi faktor yang mendorong belia-belia ini berpegang dan menyokong pemikiran liberal di Malaysia. Kajian juga menunjukkan sarjana Islam tidak bersetuju dengan sikap traumatik para belia ini terhadap institusi agama. Mereka berpandangan persepsi belia ini terhadap institusi agama di Malaysia adalah tidak tepat dan jahil terhadap operasi institusi agama itu sendiri. Malah golongan belia ini perlu disantuni menggunakan pendekatan yang sesuai dengan situasi belia tersebut.

Faktor pendorong belia berisiko liberal di Malaysia

Jadual 1: Faktor pendorong belia berisiko liberal di Malaysia

No.	Faktor	Pandangan terhadap Institusi Agama	Belia Berisiko
1.	Menerima Sekularisme	...pada saya sekular tu bagus sebab sekular ni dia pisahkan agama dengan dunia... ...keputusan mahkamah persekutuan tentang kalimah Allah... golongan islamis terus berkuasa di Malaysia dan mereka dengan secara perlahannya dapat menerapkkn unsur islamisasi dalam pemerintahan kita. Dan kita tak nak	Belia 1

		islamiskan semua benda...	
2.	Trauma Sejarah Gereja	...kita dapat belajar daripada pengalaman orang-orang Eropah di zaman gelap dahulu di mana gereja menguasai pemikiran masyarakat sehinggakan ada di antara mereka ingin membebaskan diri mereka daripada gereja...	Belia 1
3.	Menolak Agama dikawal Institusi	...jangan biarkan intelektualisme tu mati hanya kerana biarkan agama itu dikawal oleh negara dan itu adalah suatu benda yang saya tak suka. Apabila institusi agama itu dikawal oleh orang-orang tertentu...	Belia 1
4.	Menyamakan institusi agama dengan Hukum Tuhan	...terus terang saya mempersoalkan JAWI ini, adakah mereka itu tuhan nak mengawal segala perkara? Mereka tu cuma autoriti saja. Autoriti yang diberikan kuasa... ...sampai sekarang la orang melayu terlalu berpegang kepercayaan bahawa sultan tu, iaitu raja kita ni bayangan bayangan tuhan dekat atas muka bumi ni...	Belia 1
5.	Fahaman Asya'irah menyekat kebebasan fahaman lain	...dalam konteks Asya'irah berkuasa, bila saya kata berkuasa ni maksudnya dalam institusi dipegang oleh golongan Asya'irah tetapi golongan lain ditekan...	Belia 2
6.		...di sini semua aliran ditekan. Bukan setakat atheis ke, sekular ke, kiri ke apa, liberal ke apa, termasuk aliran Islam sendiri syiah ke, wahabi ke ataupun salafi semua ditekan tanpa sedar...	
7.	Institusi agama menyekat kebebasan berhujah	...jadi JAIS pun pernah tahan Mustafa Akyol kan. Jadi dari sudut itu, dari sudut naratif agama pada pandangan saya kita masih tidak bebas lah...	Belia 3
8.	Hukum Islam tidak boleh menjadi undang-undang	...dari sudut agama sebenarnya kita tahu lah kebanyakan agama mengatakan homoseksualiti adalah salah. Tapi itu dari sudut agama lah...tapi pada pandangan saya beberapa perkara yang disuruh oleh agama tak sepatutnya menjadi undang-undang... ...macam yang saya pernah argue dalam artikel saya, saya mengkritik undang-undang yang tangkap orang solat jumaat ...	Belia 3
9.	Institusi agama zalim terhadap LGBT	...agama Islam kata jumhur mengatakan menjadi gay menjadi lesbian adalah satu dosa, kita tak nafikan benda tu, tapi memaksa untuk membawa undang-undang untuk tangkap diorang adalah satu kezaliman...	Belia 3
10.	Idea Sultan sebagai ketua agama adalah dari British	...sebenarnya, sultan sebagai ketua agama Islam ni wujud selepas British datang. Sebelum tu, tak pernah pun ada idea sultan sebagai ketua agama Islam sebab agama Islam ini bukan agama yang ada ketua kecuali Nabi. Dia bukan macam paderi, bukannya macam pope...	Belia 3

		...jabatan agama tu sendiri kewujudannya, their being is modern and western punya perspek.. western punya essence...	Belia 4
		...barat la. Keinstitusian tu sebenarnya barat punya ideology. Negara, tentang system semua tu barat punya ideologi...	
11.	Syariah mengikut ulama, bukan institusi	...perintahan berganti-ganti tapi syariah akan tetap je bersama, tetap dibawah..aaa..satu payung autoriti ikut ulama' lah tapi sepanjang di Malaysia syariah dibawah undang-undang, syariah dibawah jabatan agama institusi...	Belia 4
		...pemerintahan akan silih berganti tapi syariah tetap sama, tetap di bawah aaa satu payung autoriti ilmu iaitu ulama lah. Tapi sekarang ni kat Malaysia syariah di bawah daulah, syariah dibawah jabatan agama, disitu institusi. Dan dengan keadaan sedemikian dia macam mengongkong pemahaman agama dan dia menyesuaikan agama tu menurut aaa pemerintah...	
12.	Institusi Agama hanya percaturan politik	...sebab tengok sejak bila jabatan Islam makin kuat. Sejak zaman anwar dengan mahathir lawan PAS. Pas nak bawa hudud dan sebagainya nak tunjuk kami adalah Islam. Mahathir lawan balik dia buat jabatan agama sebagainya dia kata ooo ni dah ada Islam...	Belia 4
13.	Institusi Agama menyempitkan Islam dalam satu versi sahaja	...problem nya itulah bila wujud badan-badan agama ni, dia meletakkan Islam adalah begini, begini, begini. Selain daripada begini, begini, begini adalah sesat dan sebagainya. Dan cara pemahaman pemikiran yang menetapkan sedemikian telah menjadi seakan-akan telah menyempitkan Islam pada satu versi sahaja sedangkan banyak versi-versi yang lain...	Belia 4
		...dia memaksa dan juga melorongkan manjadikan pemikiran islam bersifat homogen. Maksudnya dia satu, tunggal. Dia nak jadikan islam suatu benda yang tunggal...	
14.	Institusi Agama mengekang kebebasan individu	...bagi ana (institusi agama) mengacau hak peribadi....	Belia 4
15.	Institusi Agama tidak tahu hal ehwal semasa	...kita dah ada syariah, dan syariah dah...dah cakap apa yang boleh apa yang tak boleh. Daripada hukum feqah pulak, dia dah cakap emm dia tengok jugak dari segi keadaan semasa dan masyarakat setempat. So, kita tak boleh nak nafikan benda-benda macam tu pun kena tengok jugak. Jadi orang pun kena turun padang jugak lah nak tahu...	Belia 5

16.	Institusi Agama menuduh individu	...sesuatu yang saya rasa saya berminat nak tengok pasal orang lain, atau tuduh orang lain, kalau kita tuduh orang lain,...jabatan ni buat macam ni, dia akan menjauhkan kita dari dia...	Belia 5
17.	Institusi Agama playsafe	...ish kenapa kadang mungkin disebabkan periuk nasi jugakan, tak boleh nak lantang sangat sebab diorang ni mem ISTAC dia sendiri pun bawah... CASIS sendiri pun bawah <i>government</i> kan. Banyak benda nak dijaga...	Belia 6

Jadual 1 menunjukkan faktor pendorong (6) orang belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan persepsi terhadap pemikiran yang menerima sekularisme, fahaman Asya'irah menyekat kebebasan fahaman lain dan Idea Sultan sebagai ketua agama adalah dari British. Begitu juga membincangkan persepsi terhadap konsep Institusi Agama seperti trauma sejarah gereja, menolak agama dikawal Institusi, syariah mengikut ulama, bukan institusi, hukum Islam tidak boleh menjadi undang-undang dan menyamakan institusi agama dengan Hukum Tuhan.

Selain itu faktor pendorong belia berisiko liberal di Malaysia membincangkan persepsi terhadap peranan Institusi Agama seperti Institusi Agama menyempitkan Islam dalam satu versi sahaja, Institusi Agama tidak tahu hal ehwal semasa, Institusi Agama hanya percaturan politik dan Institusi Agama playsafe. Disamping itu turut membincangkan persepsi terhadap Institusi Agama kepada individu dan golongan berisiko liberal seperti Institusi agama menyekat kebebasan berhujah, Institusi Agama mengekang kebebasan individu, Institusi Agama menuduh individu dan Institusi agama zalim terhadap LGBT.

Pandangan sarjana Islam terhadap persepsi belia berisiko liberal di Malaysia

Jadual 2: Pandangan sarjana Islam terhadap persepsi belia berisiko liberal di Malaysia

No	Faktor	Pandangan terhadap Persepsi Belia Berisiko Liberal	Sarjana Islam
1.	Mengambil inspirasi Barat	...jadi kelompok-kelompok islam liberal, kelompok-kelompok islam ni semacam mengambil inspirasi daripada apa yang berlaku di barat...	Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrhan
2.	Sejarah Kristian berbeza konteks dengan sejarah Islam	...apa yg berlaku dalam sejarah agama Kristian dengan kelompok golongan sekular mereka tidak sama konteksnya dengan apa yang ada dalam sejarah tradisi islam dulu...	Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrhan
		...kalau bimbang isu-isu agama kepada kristian tak payah jadi liberal pun boleh jadi benda lain...	Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar
		...kita tak benarkan isu traumatic ni memanglah kalau kita tengok bilamana mereka nak mengkiaskan dengan apa yang berlaku kepada zaman Kristian yang gelap tu amat beza itu sampai tahap pembunuhan, pembakaran, penangkapan yang melampau dan ini berlaku	Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli

		dalam sejarah mereka...	
3.	Konsep gereja berbeza dengan konsep masjid	...kita tak ada gereja, dan dalam islam kita tak ada konsep gereja... gereja ni bukan macam masjid...	Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrhan
4.	Konsep ulama bukan maksum	...mereka pengampun dosa, mereka ada hak untuk mengampun dosa, jadi itu sendiri menjadikan mereka berbeza dgn kelompok ulama dalam islam, sebab ulama dalam islam mereka terbuka kepada pandangan-pandangan balas. Malah kalau kita ada hujah yang lebih kuat kita boleh ketengahkan, tapi dengan syarat dia kena berhujah betul-betul la, dalil mereka kena betul...	Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahrhan
		...tidak timbul aaa satu kelompok itu akan di diskriminasi atau ditindas kelemahannya bukan pada Islam aaa, kerana dia memerintah bukan pada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tapi kelemahan manusiawi ada setengah raja atau khalifah yang diskrotik yang kuku besi yang tidak beretika yang rakus...	Prof. Madya Dr. Khalif Muammar
5.	Menyamakan Islam dengan konsep gereja yang membawa pemerintahan teokrasi	...Islam baginya tak sepatutnya memerintah aaa Islam mesti aaa dihadkan pada seperti gereja di barat sekarang ini tak payah dibawa ke ruang publik sebab kalau dibawa ke ruang publik dia akan membawa kepada dia seperti teokrasi pemerintahan teokrasi yang yang tidak rasional dan menghalang kemajuan...	Prof. Madya Dr. Khalif Muammar
6.	Buta sejarah dan sumbangan saintis Islam	...kita tidak mampu memahami Barat dan tidak memahami aaa sumbangan ilmuan-ilmuan kita dalam sejarah kita. Kita buta haa aaa sumbangan Islam aaa ulama' Islam, saintis-saintis Muslim jadi jadi kita rasa rendah diri apa yang Islam ada, apa yang Islam tawarkan untuk memerintah...	Prof. Madya Dr. Khalif Muammar
7.	Tiada bukti panduan JAKIM berbeza dengan Islam	...aaa kalau diaorang nak berlaku adil lah kan, dia kena buktikan bahawa isu yang dikata JAKIM punya versi tu memang tak sama dengan versi lain lah... Bila JAKIM keluarkan panduan, diaorang akan tanya versi JAKIM, tapi kalau saya tengok waktu tu, versi Brunei pun sama. Versi Indonesia pun sama. Aaa jadi aaa tanggungjawab diaorang untuk membuktikan ni lah...	Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim

8.	Tidak konsisten dalam menolak autoriti	...bila orang yang menolak Islam ni mengatakan diaorang menolak institusi tersebut, tertentu kan. Tapi diaorang pun tak konsisten macam hudud. Sekarang ni tolak hudud PAS. Tolak hudud, tolak hudud PAS. Bila BN kata dia sokong hudud diaorang pun tolak juga. So kita pun kata sebenarnya kalau you dah tolak hudud PAS, sepatutnya you terima lah hudud BN, sebab yang you tolak hudud PAS je. Tapi dia tolak juga hudud BN. Dia tolak juga siapa-siapa yang hudud kan...	Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim
9.	Mendapat dokongan daripada sebahagian sarjana	...itu pun memburukkan keadaan juga. So, patutnya apa, mufti ni apa, tidaklah online menyampaikan pandangan. Jadi, anak muda pun rasa dia pun boleh kritik juga lah...	Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim
10.	Demokrasi liberal juga menyekat kebebasan individu	...kita tengok negara yang menjulang demokrasi terbaik di muka bumi...apa nama? Amerika, Eropah...tapi apa yang berlaku terhadap setengah-setengah orang yang ditahan tanpa bicara dan sebagainya...	Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli
11.	Buta sejarah kezaliman terhadap umat Islam	...betapa ramai yang menzalimi umat Islam kalau kita baca dalam sejarah di bumi. Peristiwa Tartar, berapa banyak yang bermandikan darah sehingga mengalir di Kota Baghdad , berapa ramai yang mati dikatakan hampir sejuta ada setengah kata lebih daripada itu pada tahun 656 hijrah bila masuknya golongan Monggol, Khulagu Khan, peristiwa yang berlaku ketikamana orang kafir aa mereka menakluki Kota Baitul Maqdis selepas zaman kejatuhannya berapa ramai yang mereka telah aa musnahkan umat Islam. Tak ada orang kesah pun, tak ada sebut pun trauma...	Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli
12.	Buta sejarah keadilan Islam	...dia tak tahu macam mana yang berlaku ketika itu, sehingga nak borong keseluruhan dan nak erm mengkiaskan Islam ni kepada cara lain. Sejarah membuktikan Islam sebaik-baik agama menyantuni musuhnya... ...percayalah keadilan Islam ketikamana dapat menguasai balik pada zaman Sallahuddin Al-Ayyubi (menarik nafas), pada zaman Sultan Muhammad Al-Fateh pembukaan Kota Konstantinople begitu juga zaman-zaman yang lain jauh lebih baik, jadi saya tak boleh terimalah alasan macam itu...	Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli

		...sebenarnya tidak pernah berlaku penindasan agama penindasan oleh agama terhadap aaa masyarakat sepertimana di barat...	Prof. Madya Dr. Khalif Muammar
--	--	---	--------------------------------

Jadual 2 menunjukkan pandangan lima (5) orang sarjana Islam terhadap persepsi belia berisiko liberal di Malaysia dalam isu konsep seperti mengambil inspirasi Barat, konsep gereja berbeza dengan konsep masjid, konsep ulama bukan maksum dan menyamakan Islam dengan konsep gereja yang membawa pemerintahan teokrasi. Begitu juga membincangkan isu semasa berkenaan kebenaran sesuatu yang relatif seperti tiada bukti panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berbeza dengan Islam, tidak konsisten dalam menolak autoriti, mendapat dokongan daripada sebahagian sarjana dan demokrasi liberal juga menyekat kebebasan individu. Seterusnya membincangkan juga isu sejarah seperti sejarah Kristian berbeza konteks dengan sejarah Islam, buta sejarah dan sumbangan saintis Islam, buta sejarah kezaliman terhadap umat Islam dan buta sejarah keadilan Islam.

5. Perbincangan

Analisis pandangan sarjana Islam terhadap persepsi belia berisiko liberal dalam jadual 2 membincangkan pandangan belia berisiko liberal di Malaysia terhadap Institusi Agama. Fokus kajian kepada faktor pendorong belia berisiko liberal di Malaysia iaitu persaan trauma terhadap institusi agama Islam di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri, mahkamah syariah dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan sarjana Islam tidak bersetuju dengan sikap traumatik belia ini terhadap institusi agama. Mereka berpandangan persepsi belia ini terhadap institusi agama di Malaysia adalah tidak tepat dan jahil terhadap konsep, sejarah dan operasi institusi agama itu sendiri. Perasaan trauma ini terhasil daripada pengalaman masyarakat Kristian di Barat yang telah mengalami penindasan dan diskriminasi gereja pada zaman gelap mereka dahulu. Pengalaman itu mempengaruhi cara fikir sehingga membentuk persepsi negatif terhadap institusi agama dan mendorong belia berpegang serta menyokong pemikiran liberal di Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan belia berisiko mengambil inspirasi barat dalam menyamakan Islam dengan konsep gereja. Menurut Adian Husaini (2013) persepsi ini menyalahi konsep pasitan (*Inquisition*) gereja yang dilakukan secara berstruktur dalam institusi rasmi agama, sebaliknya Islam tidak ada undang-undang dalam skandal pembunuhan atau kezaliman penguasa Muslim. Begitu juga tidak terdapat dalam Islam struktur kependetaan yang merupakan wakil Tuhan di bumi. Selain itu, gereja memiliki hak untuk memaksakan dan menjatuhkan hukuman mati keatas golongan non-Kristian yang menolak untuk dibaptis. Sedangkan hukuman mati tidak terdapat dalam Islam terhadap agama lain. Sekalipun Islam mempunyai pemikiran eksklusif tersendiri, sejarah merakamkan kerajaan Islam bersih dari tradisi penganiayaan terhadap penganut agama lain untuk memeluk agama Islam (Karen Armstrong 1991).

Selain itu konsep gereja berbeza dengan Islam dalam suatu undang-undang yang mengatur semua sistem kehidupan manusia secara keseluruhan. Islam memiliki konsep yang menyeluruh dan lengkap tentang alam, kehidupan dan manusia dalam persoalan ibadah khusus atau ibadah mu'amalahnya (Sayyid Quthb 1984). Begitu juga kezaliman gereja dibandingkan dengan keadilan sosial dalam Islam mempunyai ciri tersendiri iaitu ikatan yang harmoni. Manusia dalam Islam merupakan sebahagian keseimbangan dari alam semesta di bawah arahan

Penciptanya. Keadilan Islam menyeimbangkan kapasiti manusia, individu dan kelompok serta variasi dalam kemampuan individu. Disamping itu keadilan dalam Islam fokus menyelarikan aspek ekonomi, nilai kebendaan, moral dan kerohanian (Syed Qutb 1974).

Kajian juga membincangkan isu semasa berkenaan kebenaran sesuatu yang relatif, ia merupakan alat kepada liberalisme dalam memahami dan mentafsir nilai. Sikap skeptikal yang lahir daripada pragmatisme membawa kepada pemikiran melalui eksperimen sehingga muncul penemuan baru dalam dunia moden. Sedangkan Islam memandu kebenaran yang relatif dengan nilai Islam selari tanpa mengesampingkan sesuatu universal dan mutlak (Amin Fauzi 2017). Perkara ini membuktikan Islam mampu menerima ilmu pengetahuan tanpa harus mengalami konflik seperti yang berlaku dalam agama lain (kuntowijoyo 2008). Walaupun semangat pragmatik dan kritikal menimbulkan kekeliruan kerana berpusat kepada manusia sedangkan dalam Islam nilai adalah berpusat kepada wahyu dan ketuhanan (Kamal Azmi et al. 2016). Selain itu kebenaran yang tidak menghubungkan dengan ilmu, hikmah dan kuasa Penciptanya akan menghilangkan keadilan Islam dalam tindakan (Osman Bakar 1989).

Disamping itu kajian membahaskan sejarah Kristian berbeza konteks dengan sejarah Islam yang ketika itu mengalami zaman kegelapan (*the dark ages*). Barat dimonopoli oleh gereja yang menolak perkembangan ilmu dan para ilmuwan dianggap kafir, zindik, serta keluar dari agama Kristian sehingga mereka disiksa dan dihukum. Begitu juga agama Kristian menjadi terkenal setelah melalui Konsili Nicea pada tahun 325 Masihi yang dijalankan oleh Kaisar Konstantine dengan penganiayaan serta penyiksaan para ilmuwan (Kholili 2010). Sementara itu dunia Islam aktif mengembangkan ilmu sehingga melahirkan peradaban yang bernilai tinggi. Terdapat perpindahan intelektual Islam ke Barat ketika itu melalui perdagangan, pendidikan, penerjemahan dan perang salib seperti yang berlaku dalam peradaban Islam di Sepanyol, Pulau Sicilia dan lain-lain lagi (Sri Suyanta 2011).

Demikian juga kajian membicarakan keadilan dan sumbangan saintis Islam yang dilupakan dalam sejarah dunia. Sejarah mencatatkan kegemilangan tamadun Islam membina satu tradisi yang mendorong pertumbuhan sains dan teknologi moden di Eropah (Alias 2013). Pengenalan kepada sejarah sains oleh Sejarawan Barat menyatakan tentang kualiti dan kuantiti sumbangan Islam dalam bidang ilmu sains (Anwar G. Chejne 1974). Begitu juga majoriti dalam kalangan ahli sejarah dan sains Barat serta sarjana Islam percaya bahawa ahli sains masa kini bergantung kepada sumbangan ahli sains terdahulu (Gabriel 1974; Vernet 1974). Namun begitu sejak era pertengahan iaitu abad ke-5 masihi Barat menanggapi Islam sebagai tumpuan kritikan negatif seperti yang dilakukan oleh pihak gereja mahupun para penulis Barat (Richard William Southern 1962; Maxime Rodinson 1974; Norman Daniel 1980; Philip K. Hitti 1985; Albert Hourani 1991; Karel Steenbrink 1995). Perkara ini menunjukkan sikap prejudis terhadap Islam dan masyarakatnya telah berakar umbi di Barat malah sejajar umurnya dengan Islam itu sendiri (Reuven Firestone 1999).

6. Penutup

Pada keseluruhannya liberalisasi mengalami proses yang panjang dalam sejarah kemanusiaan di Barat. Implikasi penolakan terhadap pengaruh gereja Kristian, masyarakat Barat menuntut kebebasan mutlak daripada ikatan agama dan memberikan hak mutlak kepada manusia sebagai paksi membuat keputusan. Agama digambarkan sebagai institusi yang menghalang kemajuan dan pembangunan. Pemikiran ini telah meresapi masyarakat Islam melalui pelbagai cara dan

pendekatan. Dewasa ini golongan liberalis Barat mendapat dokongan dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah belia dan sarjana Islam sendiri. Persoalan golongan liberalis menggunakan hujah yang rasional dan logik sehingga mudah mempengaruhi belia yang tidak memahami masalah dan maqasid agama. Signifikan bagi nilai pemikiran liberal dijadikan asas untuk mereka mempersoalkan pandangan autoriti dalam negara. Mereka menggunakan hujah hak asasi manusia untuk menolak kewajipan bertudung, hukum hudud dan mempertikaikan autoriti agama dalam negara. Para sarjana Islam perlu merangka satu kerangka model pemikiran liberal sebagai garis panduan kepada semua pihak termasuk golongan belia. Perkara ini berupaya membantu golongan ini menolak pemikiran liberal dan berani mempertahankan Islam dengan pengetahuan yang jelas tentang Islam.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS 2016 Fasa 2 - Geran Penyelidikan Primer (GPP) bertajuk Pengaruh Media Sosial dan Pemikiran Liberal dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia (KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPP/011). Penghargaan setinggi-tingginya kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang telah menaja penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Rahman, Mohd Rosmizi. 2002. *Agama-agama di Dunia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Abdullah. 2001. *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Albert Hourani. 1991. *Islam in European Thought*. Cambridge: Cambridge University Press
- Ali Mudhofir. 1988. *Kamus Teori dan Aliran dalam Filsafat*. Yogyakarta: Liberty.
- al-Silmy, Abdul Rahim Somail. 2009. *Haqiqat al-libraliyah wa mawqif al-Islam minha*. Jeddah: Markaz al-Ta'sil li al-Dirasat wa al-Buhuth.
- Anhar Opir. 2018. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 15 Mac.
- Azhar, A. B. 2013. Sains dan Teknologi dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi. *Journal of Al-Tamaddun*. 8(1).
- Bakar, M. S. A., Zakaria, W. F. A. W., & Salleh, K. 2016. Faktor-Faktor Kelemahan Pengurusan dan Pentadbiran Islam di Malaysia serta Langkah-Langkah Mengatasinya. *Jurnal ILMI*. 1(1).
- Belia Berisiko Liberal 1. 2017. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 19 November & 13 Disember.
- Belia Berisiko Liberal 2. 2017. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 29 November & 5 Disember.
- Belia Berisiko Liberal 3. 2017. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 19 & 22 Disember.
- Belia Berisiko Liberal 4. 2017. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 22 & 28 November.
- Belia Berisiko Liberal 5. *Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia*. Temubual, 4 Disember.

- Belia Berisiko Liberal 6. 2017. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. Temubual, 24 Disember.
- Chejne, Anwar G. 1974. *Muslim Spain, its History and Culture*. Minneapolis: University Of Minnesota Press.
- Chua, Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill Companies.
- Dunsmore, K., Lagos, T.G. 2008. Politics, media and youth: Understanding political socialization via video production in secondary schools. *Learning, Media and Technology*. 33(1): 1-10.
- Fasal 3(1) Perlembagaan Persekutuan
Fasal 8(1) Perlembagaan Persekutuan
- Fauzi, A. 2017. Integrasi Dan Islamisasi Ilmu Dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. 8(1).
- Frank, E., Carrera, J., Dharamsi, S. 2007. Political self-characterization of U.S. medical students. *Journal of General Internal Medicine*. 22(4): 514-517.
- Gabrieli, F. 1974. Islam In The Mediterranean World. Dlm. Schacht, J. & Bosworth, C. E. (pnyt.). *The Legacy Of Islam*. Oxford: Clarendon Press.
- Greg Fealy & Virginia Hooker. 2006. *Voices of Islam in Southeast Asia A Contemporary Sourcebook*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Hasib, Kholili. 2010. *Kritik atas Konsep Abrahamik Faiths dalam Studi Agama*. Gontor: CIOS.
- Hassan Ahmad. 2006. *Memperkasa Bangsa Melalui Kekuatan Dalaman: Ke Arah Kelahiran Melayu Global*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Helwa Mohammad dan Zainal Jasri Jamal. 2013. Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 17:13-36.
- Hesse-Biber, S. N., & Leavy, P. 2006. *The Practice Of Qualitative Research*. California: Sage Publication, Thousand Oaks.
- Husaini, A. 2013. Inquisisi Gereja: Noda Hitam Sejarah Barat. *Kalimah* 11(2). 191-212.
- Indriaty Ismail, "Ciri-Ciri dan Asas-Asas Utama Islam Liberal dalam Pergerakan Sisters In Islam", dalam Mazlan Ibrahim et.al. (pnyt.). 2012. *Islam Liberal Isu dan Reaksi*. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar. 2016. Islam Dan Pragmatisme William James (1842-1910). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. III, No. I. 23 – 42*. e-ISSN 2289-7909.
- Karel Steenbrink (1995), *Kawan Dalam Pertikaian: Kaum Kolonial Belanda dan Islam di Indonesia (1596-1942)*, Suryan A. Jamrah (terj.). Bandung: Penerbit Mizan;
- Karen Armstrong. 1991. *Holy War: The Crusades and Their Impact on Today's World*. London: McMillan London Limited.
- Kerajaan Negeri Sembilan lawan Muhammad Juzaili Mohd Khamis dan lain-lain [2017] 7 CLJ 533
- Khalif Muammar A. Harris. 2018. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. Temubual, 2 April.
- Khalif Muammar A. Harris. 2018. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. Temubual, 2 April.
- Kuntowijoyo. 2008. *Paradigma Islam: interpretasi untuk aksi*. Bandung: mizan
- Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585

- Mahamad Naser bin Disa. 2012. Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan. Untuk pembentangan *Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatism* anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam; 28 Jun.
- Marziana Abd. Malib dan Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. 2014. Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita? *Journal of Business and Social Development Volume 2 Number 2*. September: 48-61.
- Maxime Rodinson. 1974. "The Western Image and Western Studies of Islam," dlm. Joseph Schacht & C.E. Bosworth (eds.), *The Legacy of Islam, c. 2*. Oxford: Oxford University Press.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid dan Fadlan Mohd Othman. 2010. *Ancaman Inklusidisme Agama Terhadap Akidah*. dlm. *Islamiyyah Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Mohd Othman. 2013. Pengajian Islam Di IPT Malaysia Dalam Menangani Islam Liberal. *Jurnal Hadhari 5 (1) 37 – 53*.
- Meredith L. Weiss & Saliha Hassan. 2003. *Social Movements in Malaysia From Rural Communities to NGOs*. London, Routledge Curzon.
- Mohamad Kamil Ab Majid. 2009. Konsep jahiliyyah: Salah faham pemakaian istilah ke atas masyarakat islam. *Jurnal Penyelidikan Islam, Volume 22*. 1-18.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2015). *Liberalisme dan Pluralisme Agama: Impak kepada Perlembagaan dan Sistem Perundangan Islam di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan. 2018. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. Temubual, 6 Mac.
- Mohd Hamdan Adnan. 2015. Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo 2015 vol 2*.
- Muhammad Ariffin bin Ismail. 2012. *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender dan pemahaman Agama*. Panel Jawatankuasa Pemikir Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Norani Othman, Islam. 2007. *Islamization and Democratization: Challenges and Prospects*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Norman Daniel .1980. *Islam and the West: The Making of an Image, c. 4*. Edinburgh: University Press.
- Osman Bakar. 1989. *Islam dan Pemikiran Sains Masa Kini*. Petaling Jaya: Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Penerbit Universiti Penyelidikan Sultan Idris.
- Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang."
- Philip K. Hitti. 1985. *Islam and the West: a Historical Cultural Survey*. H.M.J. Irawan (terj.). Bandung: Penerbit Sinar Baru
- Rafidah Hanim Mokhtar. 2018. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. Temubual, 27 Mac.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2002. Epistemologi Hukum Islam: satu pengenalan. *Jurnal Usuluddin bil. 15*.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2004. "Usaha Memperkasakan Ilmu Usul al-Fiqh di Zaman Moden : Satu Analisis ", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFU)*,

- Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, pada 15-16hb Disember 2004, h. 210-224.
- Reuven Firestone. 1999. *Jihad: The Origin of Holy War in Islam*. New York: Oxford University Press.
- Richard William Southern. 1962. *Western Views of Islam in the Middle Ages*. Cambridge: Mass.
- Riduan Mohd Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Salleh, N. M., Ismail, A. M., Haridi, N. H. M., Daud, Z., & Usman, A. H. 2016. The unbelief thinking among muslim youth in Malaysia. *American Journal of Applied Sciences*, 13(2), 163-170.
- Sayyid Quthb. 1984. *Al-'Adalah al-Ijtima'iyah fil Islam*. terj. Afif Mohammad, *Keadilan Sosial dalam Islam*. Bandung: Pustaka.
- Shariza Kamaruddin. 2017. *Access to Justice: Women's Experiences in Penang Syariah Courts*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)
- Sulaiman Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 2 CLJ 54
- Suyanta, S. 2011. Transformasi Intelektual Islam ke Barat. *Jurnal Ilmiah Islam Futura* 10(2). 20-35.
- Syed Qutb. 1974. *Al-Adalah Al-Ijtima'iyah fi Al-Islam*. Beirut: Dar AsSyuruq.
- Teh, Y. K. 2001. *Mak Nyahs* (Male Transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on their Identity. *IJT* 5,3, http://www.symposion.com/ijt/ijtvo05no03_04.htm
- Titular Roman Bishop lawan Kementerian Dalam Negeri [2014] 6 CLJ 541
- Vernet, J. 1974. *Science: Mathematics, Astronomy And Optics*. Dlm. Schacht, J. & Bosworth, C. E. (pnyt.). *The Legacy Of Islam*. Oxford: Clarendon Press.
- Wan Ismail W Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari. 2015. Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian. *Sains Humanika* 5:3. 77-85.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2018. Liberalisme dan Media Sosial dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia. *Temubual*, 22 Mac.